



## KENYATAAN TENDER (KONTRAKTOR BUMIPUTERA SAHAJA)

**CADANGAN PELAWAAN TENDER PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN UNTUK TEMPOH 18 BULAN DI KOMPLEKS SUKAN AIR PRESINT 6, TEMPAT LETAK KERETA BERTINGKAT PRESINT 4, TEMPAT LETAK KERETA BERTINGKAT BLOK A DAN B PRESINT 15, TEMPAT LETAK KERETA PRESINT 2, DEPOH BAS PRESINT 9, DEPOH BAS PRESINT 14 DAN PADANG SINTEK PRESINT 4 PUTRAJAYA  
(NO. TENDER : PPJ/T/JK/41/2023)**

1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor/Syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
<p>Berdaftar dengan <b>Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)</b> di bawah Kod Bidang <b>220801</b> (Perkhidmatan Kawalan Keselamatan)</p> <p>Dan <b>Bumiputera</b></p> <p>Dan <b>Lesen/Permit yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN)</b></p> <p>Dan <b>Sijil Keahlian Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PKIM)</b></p>	<p><b>27 September 2023 (Rabu)</b></p> <p><b>10.00 pagi</b></p> <p><b>Panggung Mawar Sari, Aras 3, Bangunan Annexe 2, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, Wilayah Persekutuan Putrajaya</b></p>	<p><b>27 September 2023 (Rabu)</b></p> <p>sehingga</p> <p><b>11 Oktober 2023 (Rabu)</b></p> <p>Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya</p>	<p>Ringgit Malaysia <b>RM100.00</b> (Tidak dikembalikan)</p> <p><b>Tunai / Deraf Bank</b></p> <p>Perbadanan Putrajaya</p>	<p><b>20 Oktober 2023 (Jumaat)</b></p> <p><b>12.00 tengah hari</b></p> <p>Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya</p>

3. Kontraktor/Syarikat juga mesti memenuhi kriteria kelayakan seperti berpengalaman sebagaimana tajuk projek.
4. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
5. Taklimat tender akan diadakan pada **27 September 2023 (Rabu), 10.00 pagi** di **Panggung Mawar Sari, Aras 3, Bangunan Annexe 2, Kompleks Perbadanan Putrajaya**. Kehadiran individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan perolehan Kerajaan sepertimana dalam Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia, Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia, Lesen/Permit KDN, Sijil Keahlian PKIM dan Cap Syarikat**.
6. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja dibenarkan untuk mengambil dokumen. Wakil Kontraktor/Syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia dan satu (1) salinan Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia, Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia, Lesen/Permit KDN dan Sijil Keahlian PKIM**.
7. Tender ini akan ditutup pada **20 Oktober 2023** bersamaan hari **Jumaat, jam 12.00 tengah hari**. Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dan bertutup sempurna serta dicatatkan tajuk dan nombor tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
8. Kontraktor/Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk Dokumen Tender tidak akan diterima. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan. Kontraktor/Syarikat yang berurusan di kaunter jualan dikehendaki mematuhi S.O.P. yang telah ditetapkan.